

Badan selaras gerak kerja ditubuh

UM - 2/2/2019 M/S: 2

PUTRAJAYA 1 Feb. - Pakatan Harapan (PH) akan menubuhkan sebuah badan khas yang bertindak menyelaras semua gerak kerja berkaitan kerajaan, kata Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi PH berkata kewujudan badan itu penting bagi memastikan setiap tindakan dilakukan kerajaan adalah tersusun dan dilihat ada 'kebersamaan' pada mata rakyat.

"Setakat ini kita dapati rakyat tidak mengetahui secukupnya apa yang dilakukan kerajaan kerana tiada penjelasan secara bersepadu dan bersama sesama kita.

"Sebab itu, mesyuarat hari ini memutuskan sebuah badan khusus perlu ditubuhkan bagi menjawab segala tuduhan berkaitan PH sejak membentuk kerajaan," katanya dalam sidang

akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Presiden PH di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata antara perkara perlu dijelaskan ialah PH dapat melaksanakan pelbagai dasar yang memberi manfaat kepada rakyat walaupun pada awalnya perkara tersebut diragui banyak pihak.

"Sebenarnya banyak kejayaan yang kita capai dan semua itu akan disenaraikan oleh badan yang akan ditubuhkan ini kelak," katanya dan menjelaskan bahawa pelbagai perkara baharu berkaitan ekonomi, politik dan sosial yang diperkenal kerajaan sebenarnya amat berjaya, namun tidak dapat dilihat secara mata kasar.

Berhubung Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih, Dr. Mahathir berkata PH yakin dapat mengekalkan kerusi itu

walaupun ada pihak meramalkan sokongan orang Melayu terhadap kerajaan berkurangan.

Perdana Menteri berkata isu berkaitan kegagalan menunaikan manifesto tidak memberi kesan besar, malah rakyat sedar kekangan yang ada untuk melaksanakan semua perkara yang dijanjikan.

"Sebenarnya banyak perkara dalam manifesto ditunaikan kecuali perkara yang memerlukan pindaan perlembagaan seperti mengadakan tempoh jawatan Perdana Menteri dan had umur mengundi diturunkan kepada 18 tahun.

"Kita percaya rakyat tidak merasai tertekan dengan kerajaan kerana kita tidak melakukan perkara yang salah seperti terlibat rasuah, malah di mana-mana sahaja saya pergi ramai rakyat yang hadir untuk menyatakan sokongan kepada kerajaan," katanya. - **BERNAMA**